

23 APR 2003

Zainuddin-PAS

PEMIMPIN PAS PERLU PERBETULKAN PANDANGAN

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Pemangku Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang perlu membetulkan pandangan pemimpin-pemimpin lain parti itu yang didapati tidak selari dengan pandangannya.

Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainuddin Maidin berkata sementara Abdul Hadi memuji tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menolak bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), ada pemimpin PAS yang lain mempunyai pandangan yang berlainan.

Abdul Hadi perlu memperbetulkan pandangan pemimpin-pemimpin parti itu yang membuat tuduhan "tidak beretika dan berbahasa" serta "ketertiban politik" mengenai Dr Mahathir, katanya pada persidangan media di ruang legar Parlimen di sini hari ini.

Zainuddin berkata awal tahun ini terdapat dua pemimpin tertinggi parti itu yang membuat tuduhan di Tanjung Malim, Perak dengan mengatakan Dr Mahathir "barua Amerika Syarikat" dan kenyataan itu telah direkodkan.

Katanya, akhbar lidah rasmi parti itu iaitu Harakah juga baru-baru ini mendakwa kerajaan bersekongkol dengan AS dalam kempen menjatuhkan kerajaan Iraq pimpinan Presiden Saddam Hussein.

Zainuddin berkata kenyataan Abdul Hadi dalam temuramah dengan akhbar tempatan baru-baru ini yang memuji tindakan Dr Mahathir itu "menunjukkan dengan sendirinya, beliau (Abdul Hadi) menolak percubaan untuk mengelirukan rakyat terhadap dasar negara yang sebenar."

Kenyataan itu merupakan satu kesedaran yang baru dalam PAS sejak Iraq di tawan oleh AS, yang merupakan satu bentuk kolonisme baru, kata Zainuddin.

Beliau berkata PAS juga perlu mengkaji bagaimana Malaysia boleh sampai ketahap mampu menolak bantuan IMF daripada segi sejarah dan juga dengan pelaksanaan dasar-dasar yang telah berjaya memperkukuhkan ekonomi serta kedudukan negara di peringkat antarabangsa.

Katanya, kemampuan Malaysia sampai ke peringkat itu antara lain kerana dasar-dasar terbukanya dan demokrasi yang diamalkan oleh negara, terutama dasar kerjasama dengan negara-negara Barat yang dikutuk oleh PAS.

-- BERNAMA

HK HK MOZ